

NO. SOALAN: 9

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]**

TARIKH : 30 MAC 2015

RUJUKAN : 7579

SOALAN:

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan punca Kementerian mengusulkan untuk dikenakan denda terhadap individu yang kehilangan passport.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, selepas kejadian MH370, siasatan ke atas kes dua (2) orang penumpang pesawat MAS MH370 yang dilaporkan menggunakan pasport milik orang lain mendapati mereka adalah warganegara Iran yang menggunakan pasport milik warganegara Austria dan Itali. Kedua-dua penyamar (*imposter*) tersebut berjaya melepasi pemeriksaan imigresen semasa masuk ke Malaysia melalui KLIA pada 28 Februari 2014 dan keluar pada 7 Mac 2014 kerana sistem pemeriksaan imigresen di pintu masuk negara tidak diintegrasikan dengan sistem pengkalan data kes kehilangan pasport Interpol. Pasport yang digunakan oleh kedua-dua orang penyamar tersebut adalah pasport tulen.

Sehubungan itu, Kementerian berpandangan bahawa cadangan untuk mengenakan hukuman denda kepada individu yang kehilangan pasport wajar diperkenalkan bagi tujuan mendidik pemegang pasport agar menjaga dokumen kawalan tersebut secara lebih serius. Walau bagaimanapun, cadangan ini masih lagi dalam peringkat kajian dan belum dimuktamadkan.